

Shell sumbang dana untuk lima badan

PERJALANAN pulang ke kampung halaman sesuatu yang mengujakan. Menyedari hakikat itu, Shell telah mengajak rakyat Malaysia untuk menerangi kehidupan kanak-kanak kurang berasib baik sempena Hari Raya Aidilfitri.

Bagi setiap liter minyak yang diisi di mana-mana stesen Shell seluruh negara pada 22, 23 dan 24 Jun lalu, Shell mendermakan satu sen (RM0.01) kepada lima pertubuhan kebajikan yang terpilih di seluruh negara. Sumbangan ini akan memanfaatkan kanak-kanak di bawah jagaan Pertubuhan MyKasih (Kuala Lumpur & Sabah), BÖLD Association for Children with Special Needs (Pulau Pinang), Pertubuhan Perkhidmatan Intervensi Awal (Johor Bahru), Kelab

Balkis (Kelantan), dan Yayasan Kemajuan Insan Sarawak (Sarawak).

Dana akan digunakan untuk program-program pembangunan bagi memastikan pembelajaran kanak-kanak serta pembentukan kemahiran mereka.

“Di Shell, misi kami adalah untuk memperbaiki perjalanan hidup rakyat Malaysia. Kami berharap usaha ini akan mendorong orang lain untuk turut berbakti kepada masyarakat yang kurang berasib baik,” kata Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. & Shell Timur Sdn. Bhd., **Shairan Huzani Husain** dalam satu kenyataan akhbar.

Sejak penubuhannya dua tahun lalu, Tumpuan Kempen Amal Raya Shell 2017 adalah untuk memperluaskan keupayaan kanak-kanak yang kurang berasib baik.

Headline	Shell sumbang dana untuk lima badan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	26	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	234 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,096
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,288



SHAIRAN HUZANI (dua dari kiri) dan Pengurus Kanan Daerah Sentral Joari Mohamad Jaafar (dua dari kanan) mengedarkan air dan kurma untuk orang ramai yang mengisi minyak di Shell pada Ramadhan lalu.